

FAQ Sistem Aplikasi TanyaDoktor UniSZA



Apa itu TanyaDoktor.com?

TanyaDoktor.com merupakan aplikasi atas talian bertujuan menghubungkan pesakit dengan doktor pakar yang berada di UniSZA. Aplikasi ini membenarkan pengguna menghantar mesej, gambar dan video kepada doktor pakar untuk mendapatkan nasihat perundingan berkaitan kesihatan.

Apakah kepakaran doktor yang ada di TanyaDoktor.com?

Kami mempunyai 41 orang doktor pakar dari pelbagai bidang. Anda boleh layari <http://tanyadoktor.com/doctor>

Di manakah doktor dari aplikasi TanyaDoktor.com bertugas?

Kesemua doktor-doktor yang bertugas berada di Fakulti Perubatan, UNISZA dan UNISZA Medical Centre (UMC).

Bolehkah saya berjumpa dengan doktor yang bertugas secara bersemuka?

Boleh, tetapi anda dikehendaki untuk menempah temujanji di <http://tanyadoktor.com> jika anda merasakan yang anda perlu berjumpa dengan doktor pakar untuk pemeriksaan yang lebih komprehensif. Doktor bertugas hanya akan memberikan konsultasi secara atas talian.

Adakah saya boleh memilih doktor untuk mendapatkan konsultasi?

Boleh, tetapi anda dikehendaki untuk menempah temujanji di <http://tanyadoktor.com> jika anda merasakan yang anda perlu berjumpa dengan doktor pakar pilihan anda. Walaubagaimanapun, sistem akan menetapkan doktor kepada pesakit berdasarkan doktor yang tersedia pada waktu tersebut untuk konsultasi atas talian.

Bagaimana saya boleh berhubung dengan doktor yang bertugas?

Pesakit boleh mendaftar di <http://tanyadoktor.com> bagi mendapatkan tiket untuk berhubung dengan doktor yang bertugas

Apakah medium yang akan digunakan untuk berhubung dengan doktor yang bertugas?

Pesakit perlu memuat turun aplikasi WhatsApp di telefon pintar masing-masing.

Bolehkah sistem aplikasi ini menggantikan sepenuhnya konsultasi doktor secara bersemuka?

Sistem aplikasi ini hanyalah bertujuan untuk memberikan nasihat kesihatan berdasarkan simptom-simptom yang diberikan oleh pesakit. Ianya TIDAK BOLEH menggantikan konsultasi konvensional secara bersemuka. Sila berjumpa dengan doktor anda untuk pemeriksaan yang komprehensif.

Adakah saya boleh dapatkan preskripsi ubat-ubatan daripada doktor bertugas?

Doktor yang bertugas atas talian hanya memberikan khidmat nasihat kepada pesakit. Untuk mendapatkan preskripsi ubat, pesakit hendaklah berjumpa dengan doktor secara bersemuka sekurang-kurangnya sekali di Klinik Pakar UMC.

Bagaimana jika saya tidak mempunyai aplikasi WhatsApp (bagi kanak-kanak atau warga emas)?

Anda dikehendaki mengisi maklumat anda sebagai pesakit dengan menggunakan aplikasi WhatsApp ahli keluarga (penjaga) sebagai medium perantaraan konsultasi.

Dikeluarkan pada 7 April 2020